



**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**  
**MYFIT@MOTORSPORTS**

---

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) telah mengambil inisiatif dalam membantu menggerakkan agenda nasional melalui Program MyFit@Motorsports yang dilaksanakan secara atas talian.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Bermotor Malaysia (MAM) dengan kerjasama Persatuan Sukan Bermotor Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kelab Sukan Bermotor Retro Havoc dan Persatuan Sukan Elektronik Selangor.

Objektif program ini adalah seperti berikut:

- i. Mencungkil bakat dalam kreativiti golongan muda mengubahsuai kenderaan.
- ii. Memberikan pengetahuan kepada masyarakat mengenai undang-undang jalan raya
- iii. Mencungkil bakat baru dalam sukan e-motorsports melalui kejohanan perlumbaan kenderaan atas talian.
- iv. Membantu kerajaan dalam mengurangkan masalah sosial di kalangan belia terutama isu rempit.
- v. Membantu mengawal emosi dan stress di kalangan belia semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pelaksanaan Program MyFit@Motorsport ini dilaksanakan dalam tempoh 2 bulan dari bulan 11 Januari sehingga 23 Mac 2021 bagi membantu menjana ekonomi industri sukan permotoran di pelbagai peringkat.

Program MyFit@Motorsports terbahagi kepada 3 komponen utama iaitu:

- i. e-Showcase
- ii. e-Learn
- iii. e-Race

PERKARA	BUTIRAN
<p><b>e-Showcase</b></p>	<p>Program ini merupakan aktiviti mencari bakat dalam pengubahsuaian kenderaan motosikal dan kereta. Peserta perlu menghantar video dan gambar ubahsuai kenderaan bagi mendapatkan pemenang. Peserta perlu mengemukakan salinan bukti pemilikan kenderaan.</p> <p><b>Retro Havoc e-Showcase</b></p> <p>Kelolaan bersama Kelab Retro Havoc</p> <p>Tarikh pendaftaran: 11 Januari – 10 Mac 2021</p> <p>Tarikh penjurian: 10 Mac – 24 Mac 2021</p> <p><b>Kategori pertandingan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. JDM (Japanese Domestic Market car)</li> <li>2. Euro (European car)</li> <li>3. Malaysian car</li> <li>4. American car</li> </ol> <p><b>e-Motorshow</b></p> <p>Kelolaan bersama Persatuan Bermotor Kuala Lumpur</p> <p>Tarikh pendaftaran: 5 Februari – 10 Mac 2021</p> <p>Tarikh penjurian: 10 Mac – 24 Mac 2021</p> <p><b>Kategori pertandingan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Retro Terbaik Pilihan</li> <li>2. Klasik Terbaik Pilihan</li> <li>3. Kapcai Terbaik Pilihan Newskol</li> <li>4. Kapcai Terbaik Pilihan Oldskol</li> <li>5. Skuter Terbaik Pilihan Newskol</li> <li>6. Skuter Terbaik Pilihan Oldskol</li> <li>7. Custom Terbaik Pilihan Newskol</li> <li>8. Custom Terbaik Pilihan Oldskol</li> <li>9. Kategori Khas OKU Pilihan</li> </ol>

e-Racing	<p>Program ini merupakan perlumbaan MotoGP atas talian dengan kerjasama Persatuan Sukan Elektronik Selangor. Perlumbaan diadakan secara 4 siri perlumbaan. Pemilihan terbuka untuk seluruh rakyat Malaysia</p> <p><b>MotoGP e-Racing Series</b></p> <p>Kelolaan bersama Persatuan Sukan Elektronik Selangor</p> <p>Tarikh pendaftaran: 1 Februari – 10 Mac 2021</p> <p><b>Peringkat Kelayakan Mingguan 1</b>  Tarikh: 6 Februari 2021  Masa : 2 petang - 10 malam</p> <p><b>Peringkat Kelayakan Mingguan 2</b>  Tarikh: 13 Februari 2021  Masa : 2 petang - 10 malam</p> <p><b>Pusingan Kelayakan Mingguan 3</b>  Tarikh: 13 Mac 2021  Masa : 2 petang - 10 malam</p> <p><b>Peringkat Akhir</b>  Tarikh: 20 Mac 2021  Masa : 10 pagi - 5 petang.</p>
e-Learn	<p>Program berbentuk forum perkongsian maklumat mengenai ikon sukan permotoran, perlumbaan dan peraturan jalan raya secara atas talian. Program ini diadakan dengan kerjasama PDRM, JPJ dan ikon sukan permotoran. Program ini dilaksanakan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi seperti webinar, facebook live, zoom dan lain-lain.</p> <p>Tarikh program: 1 April 2021</p>

**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
24 MAC 2021**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Belia dan Sukan

| Tel : 03-8871 3405 / 3436 / 012-4606548 / 0192204008